



6,000 kes positif dalam seminggu

Berikutan tindakan kementerian itu lipat gandakan usaha di lapangan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan 6,000 kes positif koronavirus (Covid-19) dalam tempoh seminggu melebihi jangkaan penyelidikan Universiti Sains Malaysia (USM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berikutan tindakan kementerian melipatgandakan usaha di lapangan.

"Kalau universiti jangka 5,000 dalam tempoh dua minggu, kita sasar 6,000 kes dalam seminggu," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Menurutnya, kementerian memerlukan masa sehingga tiga minggu untuk melandaikan lengkungan.

"Kita sasar nilai kebolehan jangkitan pada paras 0.5," katanya.

Beliau berkata, pihaknya optimis ia dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak.

"Kita boleh capai sasaran sekiranya ada kerjasama padu daripada rakyat Malaysia untuk bersama-sama bantu KKM dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Ahad lalu, penyelidik USM memberi amaran bahawa peningkatan kes sehingga 5,000

dalam tempoh dua minggu.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes positif Covid-19 yang dikesan di asrama pekerja kilang elektronik di Bangi mempunyai kaitan epidemiologi dengan Kluster Hentian yang terletak empat kilometer antara satu sama lain.

Katanya, kes tersebut menyumbang kepada peningkatan Kluster Hentian.

"Kalau dilihat hari ini (semalam) ada banyak pertambahan kes bagi kluster ini," kata beliau ketika diminta untuk pengesahan mengenai kes berkenaan yang tular di media sosial.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh KKM, Kluster Hentian berada di tempat teratas merekodkan kes baharu dengan 67 kes.

Ia menjadikan jumlah kes positif adalah 325 kes dengan 241 pesakit masih dirawat di hospital.

Kes baharu kekal empat angka

PUTRAJAYA - Jumlah kes baharu koronavirus (Covid-19) di Malaysia semalam sekali lagi mencatatkan empat angka iaitu 1,032 kes sekali gus menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan virus itu kepada 10,339 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes positif itu, sebanyak 1,029 adalah kes penularan dalam negara manakala tiga lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara masing-masing satu kes dari India, Singapura dan Filipina.

"Kesemua kes baharu hari ini (semalam) melibatkan kes-kes di Sabah sebanyak 646, Selangor (231), Negeri Sembilan (44), Labuan (28), Kedah (25), Pulau Pinang (23), Sarawak (9).

"Kuala Lumpur pula sebanyak tujuh kes, Perak (6), Putrajaya (4), Terengganu (3), Kelantan (2) dan Johor (1)," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes pulih Covid-19 semalam pula mencatatkan sebanyak 820 kes menjadikan kumulatif kes pulih sepenuhnya sehingga kini sebanyak 24,815 kes atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Selain itu, terdapat lapan kes kematian direkodkan semalam. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

